PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

BAB 4

PENGAJIAN SIFAT DUA PULUH DI KUALA TERENGGANU

4.0. PENDAHULUAN.

Dalam bab ini penulis cuba membuat analisis terhadap hasil soal selidik yang dilakukan terhadap 150 orang responden yang dipilih secara rawak di beberapa surau dan masjid yang menjalankan kuliah pengajian ilmu agama di sekitar daerah Kuala Terengganu. Hasil kajiannya adalah seperti berikut;

4.1. PROFIL RESPONDEN.

4.1.1. Jantina

Sebahagian besar responden yang ditemui merupakan responden lelaki (Jadual 1), iaitu seramai 132 orang (88.0 %). Manakala sebahagian kecil sahaja responden perempuan, iaitu seramai 18 orang (12.0 %). Keadaan ini disebabkan oleh kebanyakan mereka yang mengikuti kuliah-kuliah ilmu agama di masjid atau di surau terdiri daripada kaum lelaki. Kaum lelaki juga lebih mudah memberi kerjasama berbanding dengan kaum perempuan.

4.1.2. Umur

Ringkasan taburan maklumat berkenaan umur responden-responden yang terlibat di dalam kajian ini adalah seperti dalam jadual 1. Responden yang paling ramai terlibat adalah datangnya dari kumpulan umur melebihi 55 tahun (55.4 %) . Golongan ini merupakan kumpulan yang paling ramai ditemui di masjid dan surau mengikuti kuliah-kuliah ilmu.

Golongan kumpulan umur di antara 36 hingga 55 tahun pula merupakan golongan kedua teramai (29.3 %). Golongan ini dilihat sebagai kumpulan yang akan mewarisi generasi tua dalam mengimarah masjid dan surau apabila generasi yang sudah tua itu talah tiada kelak. Golongan muda pula, yang berada dalam kumpulan umur kurang daripada 36 tahun amat sedikit (15.3 %) dilihat hadir ke majlis-majlis ilmu yang diadakan di masjid dan surau.

4.1.3. Status Perkahwinan.

Kesemua responden yang ditemui terdiri daripada mereka yang pernah berkahwin (Jadual 1). Kumpulan yang paling ramai daripada mereka yang berkahwin (78.0 %). Manakala duda dan balu merupakan kedua teramai (16.0 %). Terdapat juga di antara responden yang ditemui terdiri daripada janda (6.0 %).

4.1.4. Tahap Pendidikan.

Secara keseluruhannya, tahap pendidikan responden yang ditemui adalah sederhana (Jadual 1). Daripada keseluruhan responden yang ditemui 11.4 % responden tidak pernah mendapat pendidikan formal. Mereka tidak berpeluang untuk mendapatkan pendidikan pada umur yang sepatutnya, kerana peluang untuk mendapatkan pendidikan agak terhad disebabkan faktor ketiadaan sekolah di kawasan mereka dan sebagainya. Majoriti responden yang ditemui (89.3 %) terdiri daripada mereka yang pernah mengikuti pengajian secara formal sampai peringkat menengah sehingga ke tingkatan lima. Tahap pendidikan yang paling tinggi yang dicapai oleh responden ialah peringkat universiti. Namun begitu amat sedikit mereka yang mempunyai pendidikan tinggi sama ada di peringkat kolej atau universiti mengikuti kuliah-kuliah ilmu yang diadakan di masjid dan surau.

4.1.5. Pekerjaan

Pekerjaan para responden yang telah ditemui berkait rapat dengan tahap pendidikan mereka. Kebanyakan responden yang ditemui bekerja sendiri (Jadual 1) sama ada sebagai peniaga (24.0 %) atau petani (15.3 %). Golongan pesara sama ada kakitangan kerajaan mahupun swasta merupakan golongan kedua terbanyak (28.0 %). Keadaan ini disebabkan oleh golongan-golongan di atas merupakan mereka yang mempunyai ruang masa yang agak luas untuk mengikuti kuliah-kuliah ilmu di masjid dan surau berbanding dengan kakitangan kerajaan dan swasta yang masih bekerja. Golongan ini menghadapi kekangan waktu bekerja dan juga masalah keletihan selepas waktu bekerja.

Bagi responden wanita golongan suri rumah merupakan kumpulan teramai (8.7 %) mengikuti kuliah-kuliah ilmu yang dijalankan di masjid dan surau.

4.1.6. Pengalaman Pembelajaran.

Sebahagian besar responden merupakan mereka yang telah mengikuti kuliah-kuliah ilmu yang dijalankan di masjid dan surau lebih dari 2 tahun (68.6 %) (Jadual 1). Kebanyakan mereka juga merupakan golongan yang mempunyai istiqamah yang tinggi terhadap kuliah-kuliah tersebut kerana menghadirkan diri hampir setiap minggu ke kuliah-kuliah ilmu. Hanya 22.7 % daripada responden yang tergolong dalam kumpulan satu hingga dua tahun lama masa mengikuti kuliah-kuliah ilmu di masjid dan surau.

Tidak ramai daripada responden yang baru berjinak-jinak dengan kuliah ilmu di masjid dan surau, ini terbukti daripada responden yang ditemui hanya 8.7 % merupakan mereka yang kurang dari satu tahun lama masa mengikuti kuliah-kuliah tersebut.

4.1.7. Bidang pengajian Yang paling Diminati.

Setiap responden yang ditemui mempunyai kecenderungan yang berbeza terhadap bidang pengajian yang diminati. Di antara bidang pengajian yang paling diminati ialah Ilmu Tauhid (32.7 %) di ikuti dengan Ilmu Tasawwuf (24.0 %). Ilmu Feqah menduduki tempat ketiga iaitu 18.0 %. Antara kemungkinan yang

menyebabkan ilmu-ilmu ini lebih diminati berbanding dengan ilmu-ilmu lain adalah kerana anggapan responden tentang kepentingan ilmu-ilmu ini dalam kehidupan berbanding dengan ilmu-ilmu lain. Isi pengajaran ilmu-ilmu ini yang menyentuh berkaitan dengan kehidupan seharian juga merupakan daya tarikan kepada ilmu-ilmu tersebut.

4.1.8. Tarikan Mengikuti Pengajian

Kesedaran yang lahir di dalam diri merupakan tarikan utama responden mengikuti kuliah-kuliah ilmu di masjid dan surau (100.0 %). Kesedaran ini lahir dalam diri responden hasil daripada ilmu yang dipelajarinya dan mungkin juga timbul apabila umur sudah menjangkau usia emas seseorang . Faktor tempat pengajian yang berdekatan dengan tempat kediaman merupakan tarikan kedua terbanyak (58.0%) yang mendorong responden mengikuti kuliah-kuliah ilmu. Kesempatan serta kemudahan yang ada ini digunakan sebaiknya oleh golongan ini untuk mempelajari ilmu-ilmu agama daripada kuliah-kuliah ilmu yang dijalankan di surau dan masjid yang berdekatan dengan tempat kediaman mereka. Selain daripada itu juga corak pengajian yang menarik dari segi huraian serta penyampaian seseorang guru (24.0 %) mendorong responden untuk menghadirkan diri ke kuliah-kuliah ilmu. Ada di antara responden yang sanggup datang dari jauh untuk mengikuti kuliah ilmu yang disampaikan oleh guru yang mereka minat.

4.2. PENGETAHUAN AKIDAH MASYARAKAT KUALA TERENGGANU.

Pengetahuan tentang sesuatu adalah merupakan faktor kognitif. Pengetahuan dan kefahaman serta tanggapan adalah konsep yang saling berkait. Pengetahuan yang luas misalnya, dapat membantu individu meningkatkan kefahaman terhadap sesuatu. Kefahaman seterusnya dapat membantu individu menilai dan membentuk satu tanggapan terhadap perkara tersebut. Oleh itu penulis merasakan perlu dibuat penelitian terhadap pengetahuan masyarakat mengenai perkara yang menjadi pokok kajian ini bagi mengukur kefahaman serta tanggapan masyarakat kepada sifat Dua Puluh. Untuk tujuan tersebut penulis telah menemu bual seramai 150 orang responden yang dipilih secara rawak di Daerah Kuala Terengganu. Responden adalah terdiri daripada individu-individu yang ada mengikuti kelas-kelas pengajian Akidah yang diadakan di surau dan di masjid di Daerah Kuala Terengganu. Berikut adalah laporan mengenai temu-bual tersebut;

4.2.1. Pengetahuan Masyarakat mengenai Ilmu Akidah.

Beberapa soalan telah dirangka untuk diajukan kepada responden, bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan masyarakat di dalam Ilmu Akidah. Soalan yang dirangka merangkumi kebanyakan pokok perbincangan yang terdapat di dalam ilmu akidah.

Data yang diperoleh (Jadual 4) hasil daripada temu bual yang dijalankan mendapati bahawa sebahagian besar responden dapat memberikan jawapan yang tepat terhadap soalan-soalan yang diajukan. Keseluruhan responden (100 %)

memberikan jawapan yang betul terhadap soalan pertama iaitu hukum mempelajari Ilmu Akidah ialah fardu *`Ain* ke atas setiap Muslim.

Soalan kedua yang bertanyakan tentang pokok-pokok perbincangan yang terdapat di dalam Ilmu Akidah, kesemua responden (100 %) menyatakan perkara-perkara ketuhanan, kerasulan nabi-nabi dan juga perkara-perkara *Samiyyat* sebagai jawapan. Daripada soalan ini, menunjukkan bahawa responden dapat membezakan di antara Ilmu Akidah dan Ilmu Fikah. Ini terbukti apabila tiada seorang pun daripada responden yang menyatakan bahawa Rukun Islam dipelajari dalam ilmu Akidah.

Soalan ketiga, mengenai mazhab-mazhab di dalam Akidah yang menepati dengan pegangan Rasulullah s.a.w. Data yang diperoleh (Jadual 4) menunjukkan bahawa responden beranggapan bahawa golongan `Asyā`irah merupakan golongan *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah* seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah di dalam hadis baginda. Ini dapat dibuktikan daripada jawapan yang diberikan kepada soalan ketiga iaitu kesemua responden (100 %) menyatakan jawapannya golongan `Asyā`irah dan *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah* (ASWJ). Responden juga (100 %) memberikan jawapan yang tepat terhadap soalan mengenai maksud *Ahl al-Sunnah Wa al-Jemaah.*

Soalan yang kelima menyentuh mengenai perkara-perkara yang menjadi perselisihan pendapat di antara golongan *Ahl al-Sunnah* dan puak *al-Mu'tazilah* di dalam Akidah. Data yang diperoleh (Jadual 4) menunjukkan, 67.8 % daripada responden menjawab dengan tepat soalan ini. Manakala selebihnya turut

menjawab tentang kerasulan Nabi Muhammad sebagai perkara yang menjadi perselisihan di antara dua golongan ini. Hal ini berlaku disebabkan oleh sikap para guru yang tidak menyentuh perkara-perkara yang menyeleweng daripada akidah dengan cara yang mendalam dan lebih menumpukan kepada perbincangan yang dilakukan oleh golongan *ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* yang telah menyebabkan kurangnya pengetahuan responden terhadap apa yang di luar daripada ruang lingkup yang dibincangkan oleh *ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah*. Para guru beranggapan bahawa tidak perlu diperbesarkan perkara-perkara yang remeh-temeh yang boleh mengelirukan para pendengar, sebaliknya perkara pokok yang lebih penting patut diberikan keutamaan dalam menjelaskan kepada para pendengar. Sikap responden juga, yang tidak mengikuti dengan baik terhadap apa yang diajar oleh guru, menyebabkan banyak perkara-perkara yang disentuh oleh para guru terlepas dengar atau tidak diberi perhatian oleh responden. Ada di antara mereka yang tidak merujuk kepada kitab semasa para guru sedang mengajar disebabkan kerana tidak mempunyai kitab atau tidak membawanya ke kuliah tersebut. Bahkan ada di antara mereka yang hadir ke majlis ilmu tersebut hanya untuk mendengar sahaja tanpa mencatat apa-apa yang diajarkan oleh para guru.

Keseluruhan responden (100 %) menyatakan jawapan yang tepat bagi soalan-soalan mengenai makrifat, keistimewaan Nabi Muhammad di padang Mahsyar, tujuan mukjizat kepada para Rasul dan juga tujuan al-Quran diturunkan kepada makhluk. bagi soalan mengenai keistimewaan nabi Muhammad di Padang Mahsyar 92.7 % daripada responden menjawab bahawa Nabi Muhammad menjadi tempat untuk mendapatkan pertolongan di Padang Mahsyar nanti di samping dapat memberi syafaat supaya dipercepatkan hisab. Pertolongan yang

dimaksudkan oleh responden di sini mungkin syafaat itu sendiri. Manakala soalan tentang tujuan diberikan mukjizat kepada para Rasul pula, di samping menjawab untuk menguatkan seruan yang disampaikan 78 % daripada responden turut memberikan jawapan, bagi membezakan Rasul dengan orang awam.

Hasil daripada temu bual yang dijalankan, penulis mendapati bahawa pengetahuan responden dalam ilmu akidah secara amnya adalah baik dan kebanyakan responden mengetahui asas-asas dalam ilmu akidah. Oleh kerana soalan yang diajukan bukannya bertujuan untuk menguji kepandaian responden dalam ilmu tersebut, maka bentuk soalan yang diajukan agak mudah dan jawapannya boleh diberikan oleh setiap orang yang mempunyai asas dalam ilmu akidah. Kebanyakan responden yang ditemui merupakan mereka yang sering kali mengikuti kuliah-kuliah pengajian ilmu akidah yang dijalankan di surau-surau dan di masjid-masjid. Oleh itu sedikit sebanyak ilmu yang mereka peroleh daripada mengikuti kuliah tersebut dapat membantu mereka untuk menjawab soalan yang diajukan kepada mereka.

Pada bahagian ini juga, penulis mengemukakan persoalan kepada responden mengenai perkara-perkara yang boleh membatalkan Iman seseorang. Ianya bertujuan untuk melihat pengetahuan akidah responden sama ada hanya mengetahui apa yang dikehendaki oleh Akidah Islam sahaja tanpa mengambil kira sempadan dan batas-batas yang dibenarkan oleh Islam. Untuk tujuan ini penulis telah mengemukakan beberapa pernyataan yang berhubung dengan perkara-perkara yang boleh membatalkan iman seseorang. Pernyataan- pernyataan tersebut ialah mempercayai adanya para wali yang mempunyai kuasa terhadap

manusia, takut dan gerun kepada hantu syaitan dan meminta pertolongan daripada mereka, bersekongkol dengan pemerintah yang bukan Islam dengan rela hati, mengatakan orang Muslim sebagai orang kafir dan mempermainkan syariat Allah sambil memperkecil-kecilkannya.

Data yang diperoleh (Jadual 4) menunjukkan bahawa keseluruhan responden yang ditemui memberikan jawapan terhapus, yang bermaksud bahawa, perkara-perkara yang dinyatakan di dalam pernyataan-pernyataan tersebut boleh menghapuskan iman seseorang. Hal ini menguatkan lagi tanggapan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang baik di dalam Ilmu Akidah

4.3. PENGAJIAN SIFAT 20 DI DAERAH KUALA TERENGGANU

Hasil daripada soal selidik ke atas responden yang telah dilakukan oleh penulis, penulis berjaya membuktikan bahawa pengajian Sifat Dua Puluh di Daerah Kuala Terengganu sememangnya wujud semenjak dahulu lagi. Hal ini dibuktikan melalui jawapan "ya" yang diberikan oleh responden terhadap soalan adakah Sifat Dua Puluh diajar di sini (rujuk buku soalan). Pengajian mengenainya dijalankan secara informal di surau-surau dan masjid-masjid di Daerah Kuala Terengganu. Namun pengajian secara formal tidak dapat dibuktikan kerana sukatan pelajaran di sekolah-sekolah menengah kebangsaan mahupun sekolah-sekolah agama kerajaan negeri tidak terdapat pengajian mengenainya. Pembelajaran berkaitan dengan sifat-sifat Allah SWT. yang dipelajari di dalam bahagian akidah di sekolah-sekolah lebih menjuruskan kepada mengkaji sifat-sifat yang dinyatakan di dalam ayat-ayat al-Qur'ān, contohnya al-Qur'ān

menyatakan bahawa Allah SWT. Maha Berkuasa, Maha Bijaksana, Maha Pengampun dan sebaginya. Metodologi pengajian ilmu akidah yang dilaksanakan di sekolah-sekolah lebih menumpukan kepada perbincangan berpandukan kepada dalil-dalil yang terdapat di dalam al-Qur'ān dan hadis Rasulullah s.a.w.

Pengajian secara informal yang dijalankan di masjid-masjid dan surau-surau di seluruh Daerah Kuala Terengganu menggunakan beberapa kitab jawi lama sebagai teks rujukan di dalam mempelajari Ilmu Akidah. Kitab-kitab yang digunakan sebagai rujukan tersebut secara jelas di dalamnya ada membincangkan tentang Sifat Dua Puluh. Kitab-kitab tersebut ialah kitab *Farīdatul al-Farā'id, Risālatu al-Tauḥīd, Bidāyatu al-Hidāyat, al-Dar al-Thasamīn* dan *Aqīdatu al-Nājīn*. Kitab-kitab ini merupakan sukatan pelajaran yang telah ditetapkan oleh pihak JHEAT kepada para mubaligh yang bertanggungjawab mengendalikan kelas-kelas pengajian di masjid-masjid dan di surau-surau. Kitab-kitab ini merupakan kitab yang popular di kalangan masyarakat dalam mempelajari Ilmu Tauhid.

Dengan menjadikan kitab-kitab yang ada membincangkan tentang Sifat Dua Puluh sebagai teks panduan kepada para mubaligh di dalam menyampaikan Ilmu Akidah, pihak kerajaan memainkan peranan yang besar dalam mengembangkan pengajian Sifat Dua Puluh di kalangan masyarakat Islam di Kuala Terengganu.

Pengajian mengenai Sifat Dua Puluh yang diajar di surau dan masjid adalah melalui cara menadah kitab. Guru yang mengajar akan membaca teks yang terdapat di dalam kitab yang digunakan sebelum mensyarahkannya mengikut kemahiran dan kefahamannya berpandukan kepada ilmu yang ada padanya. Oleh kerana itu berlainan guru maka berbezalah huraian yang dilakukannya. Bagi para guru yang mempunyai kemahiran menghuraikan dengan cara yang agak berbeza daripada yang dilakukan oleh kebanyakan orang, mereka akan lebih diminati dan digemari oleh orang ramai. Perbezaan yang wujud mungkin dari segi kebolehan guru tersebut mengaitkan tentang apa yang disyarahkan dengan disiplin ilmu-ilmu lain seperti Ilmu Tasawuf dan sebagainya.

Anggota masyarakat yang mengikuti kelas-kelas pengajian pula terdiri daripada pelbagai golongan. Ada di antara mereka yang benar-benar berminat untuk mempelajari dan mendalami ilmu yang diajar. Oleh itu mereka datang ke masjid atau surau dengan membawa bersama-sama kitab yang digunakan oleh guru yang mengajar dan cuba mencatatkan apa yang disyarahkan oleh guru di dalam kitab mereka. Ada juga yang hanya datang untuk mendengar semata-mata. Mereka tidak membawa apa-apa kecuali batang tubuh mereka sahaja. Golongan seperti ini merupakan golongan terbanyak yang mengikuti kelas-kelas pengajian yang dijalankan.

4.3.1. Pengetahuan Masyarakat Mengenai Sejarah Sifat 20.

Responden telah ditanya beberapa soalan yang berkaitan dengan sejarah Sifat Dua Puluh. Soalan-soalan ini terdiri daripada soalan satu hingga soalan

empat di dalam buku soalan (lihat lampiran). Soalan-soalan tersebut ialah, apakah bidang pengajian yang merangkumi sifat Dua Puluh, adakah pengajian Sifat Dua Puluh telah dipelajari semenjak zaman Rasulullah dan sahabat lagi, siapakah ulama yang memulakan perbincangan mengenainya dan apakah tujuan dihadkan perbincangan mengenai sifat-sifat yang wajib bagi Allah hanya kepada 20 sifat sahaja.

Data (Jadual 1) menunjukkan keseluruhan daripada responden (100 %) memberikan jawapan yang betul terhadap soalan pertama, iaitu pengajian Sifat Dua Puluh termasuk dalam bidang pengajian Ilmu Tauhid . Namun ada juga sebilangan kecil di kalangan responden (8 %) yang turut memberikan jawapan Ilmu Tasawuf bagi soalan pertama. Hal ini, berkemungkinan kerana responden tidak dapat membezakan kedua-dua ilmu tersebut apabila ada di antara guru-guru yang cuba mengaitkan Ilmu Tasawuf di dalam pengajian Ilmu Akidah. Ada di antara responden (24 %) memberikan jawapan bahawa pengajian sifat Dua Puluh sudah dipelajari semenjak zaman Rasulullah dan sahabat lagi manakala selebihnya 76% memberikan jawapan tidak. Bagi mereka yang mengatakan ya kepada soalan ini, mereka berpendapat bahawa sifat Dua Puluh merupakan cara untuk kita mengenal Allah SWT., Rasulullah s.a.w. telah diutus untuk mengajar manusia mengenali Allah. Oleh kerana itu, isi pengajian tentang sifat-sifat Allah s.a.w. telah dipelajari semenjak zaman Rasulullah lagi. Hampir separuh (48 %) daripada responden tidak memberikan jawapan yang betul bagi soalan mengenai ulama yang memulakan perbincangan tentang Sifat Dua Puluh. 52 % daripada responden yang menyatakan bahawa pengajian Sifat Dua Puluh dimulakan oleh Imam al-Sanusi. Manakala yang selebihnya, 16 % mengatakan bahawa pengajian

Sifat Dua Puluh mula diajar oleh rasulullah s.a.w., 20.7 % dimulakan oleh Imam Ash`ari, 2.7 % oleh Imam al-Syāfi`i dan 8.6 % tidak pasti mengenai jawapan bagi soalan ini. Dalam mengenal pasti tujuan dihadkan perbincangan mengenai sifat hanya kepada 20 sifat sahaja, keseluruhan responden (100 %) memberikan jawapan kepada asas tujuan tersebut, iaitu sifat-sifat wajib bagi Allah SWT. yang terlampau banyak dan bagi menyenangkan umat Islam memahaminya. Namun tidak kesemua responden (84.7%) memberikan tujuan sebenar Imam al-Sanūsī mengehadkan perbincangan mengenai sifat hanya kepada 20 sifat sahaja iaitu kerana berlakunya percampuran di dalam penulisan Ilmu Akidah Islam dengan Ilmu Falsafah hingga mengelirukan orang awam memahami Ilmu Akidah yang sebenar.

Pengetahuan responden tentang sejarah Sifat Dua Puluh tidaklah begitu baik jika dibandingkan dengan pengetahuan mereka tentang isi kandungan Sifat Dua Puluh. Hal ini disebabkan oleh metodologi pembelajaran Ilmu Akidah itu sendiri. Para guru sangat bergantung kepada teks kitab yang dibaca tanpa merujuk kepada kitab-kitab yang lain. Kebanyakan kitab yang dibaca merupakan kitab Akidah yang lebih menumpukan kepada perbincangan mengenai isi kandungan pelajaran Akidah, tanpa membahaskan tentang perkembangan Ilmu Akidah Islam. Jika terdapat perbincangan mengenainya, ianya di dalam jumlah yang amat sedikit sekali.

4.3.2. Pengetahuan Masyarakat Mengenai Kandungan Sifat 20

Responden telah ditanya beberapa soalan yang berkaitan dengan isi kandungan Sifat Dua Puluh. Soalan-soalan ini terdiri daripada soalan lima hingga soalan sepuluh di dalam buku soalan (lihat lampiran). Soalan-soalan yang dikemukakan terdiri daripada, bahagian-bahagian sifat Dua Puluh, sifat-sifat yang terkandung di dalam sifat Dua Puluh, sifat-sifat yang terkandung di dalam sifat *Ma'ānī, al-ḥal, Ta'alluq* sifat *Ma'ānī*, ayat-ayat al-*Mutashābihāt* dan pegangan Imam al-Asy`arī terhadap sifat Dua Puluh.

Data (Jadual 2) menunjukkan bahawa sebahagian besar responden dapat memberikan jawapan yang tepat terhadap soalan-soalan yang dikemukakan. Keseluruhan responden yang ditemui (100%) mengetahui bahagian-bahagian sifat Dua Puluh dan dapat menyatakan satu persatu sifat-sifat wajib bagi Allah SWT. yang dibincangkan di dalam sifat Dua Puluh. Kesemua responden (100 %) menyatakan dengan tepat tujuh sifat-sifat *Ma'ānī* seperti yang dibincangkan di dalam pengajian sifat Dua Puluh, namun terdapat sebilangan kecil responden (6 %) yang turut menyatakan salah satu sifat *Salbiyyah* iaitu sifat *Wahdaniyyah* sebagai sifat *Ma'ānī*.

Maklum balas bagi soalan yang menanyakan mengenai perselisihan yang berlaku di kalangan ulama dalam menentukan bilangan sifat-sifat yang wajib diketahui secara *tafṣil*, 88.5 % daripada responden dapat memberikan jawapan yang tepat bagi soalan tersebut, dan selebihnya memberikan jawapan tidak pasti.

Sebilangan kecil daripada mereka ini mungkin terdiri daripada mereka yang kurang memberikan perhatian terhadap pengajian yang mereka ikuti.

Rata-rata responden yang ditemui tidak dapat menyatakan dengan tepat perkara yang berhubung dengan *ta'alluq* sifat *ma'ānī*, mereka hanya dapat menyatakan bahawa perbincangan mengenainya memang wujud di dalam pengajian sifat Dua Puluh, namun para guru tidak memberi penekanan yang amat bagi perkara tersebut. Reaksi daripada responden juga menunjukkan bahawa responden tidak memahami perkara ini dengan jelas hanya sekadar dapat menyebutnya sahaja. Apa yang diberitahu tentang *ta'alluq* sifat *ma'ānī* juga tidak menggambarkan bahawa mereka benar-benar faham tentang apa yang dibincangkan di dalamnya.

Persoalan mengenai ayat *al-Mutashābihāt* kerap kali dibincangkan di dalam perbincangan mengenai sifat-sifat Allah SWT. Namun demikian perbincangan mengenainya tidak begitu diberikan penekanan yang amat kerana ianya boleh mengelirukan para pendengar. 74 % daripada jawapan responden menunjukkan bahawa mereka mentakwilkan ayat *al-Mutashābihāt* tersebut kepada makna yang selayaknya bagi kalimah tersebut. Selebihnya pula 26% berpegang kepada makna zahir ayat tersebut dengan beranggapan sifat tersebut adalah sifat yang selayaknya bagi Allah SWT. dan Maha Suci Allah daripada menyamai setiap sesuatu. Dalam hal ini wujud perbezaan pendapat di kalangan responden, walaupun di dalam pengajian Sifat Dua Puluh ayat-ayat *al-Mutashābihāt* ini ditakwilkan seperti "tangan Allah" ditakwilkan dengan "kuasa Allah" dan sebagainya.

Bagi soalan terakhir yang menanyakan mengenai pegangan Imam al-Asy`arī terhadap sifat Dua Puluh, 64.5 % daripada responden memberikan jawapan ya kepada soalan tersebut yang bermaksud, mereka bersetuju bahawa Imam al-Asy`arī mengakui 20 sifat yang terdapat di dalam sifat Dua Puluh. Mereka berpendapat sedemikian kerana mereka didedahkan bahawa sifat Dua Puluh merupakan pegangan *Ahl al-Sunnah Wa al-Jamā'ah* di dalam persoalan sifat-sifat yang wajib bagi Allah SWT. Oleh kerana Imam al-Asy`arī merupakan pelopor kepada fahaman ini maka sudah tentu ia mengakuinya. Mungkin juga para guru yang mengajar tidak mendedahkan kepada para pendengar mengenai *khilaf* yang berlaku di kalangan ulama terhadap sifat-sifat Allah. Hal tersebut adalah bertujuan untuk tidak mengelirukan masyarakat dengan perkara-perkara yang remeh-temeh.

4.3.3. Tanggapan Responden Terhadap Pengajian Sifat 20.

Tanggapan responden terhadap sifat Dua Puluh digambarkan oleh beberapa pernyataan yang dibentuk. Secara keseluruhannya, tanggapan responden terhadap sifat Dua puluh adalah positif. Keadaan ini dapat dilihat daripada jawapan setuju bagi pernyataan yang berbentuk positif dan jawapan tidak setuju bagi pernyataan yang berbentuk negatif, Namun demikian ramai juga yang tidak pasti dengan dua pernyataan, iaitu pernyataan pengajian akidah melalui sifat Dua Puluh harus diganti dengan corak pembelajaran yang lebih sesuai dengan keadaan semasa 65% dan corak perbincangan yang terdapat di dalam sifat Dua Puluh

terpengaruh dengan corak perbincangan yang dilakukan oleh golongan *mutakalimūn* 53%.

Keadaan ini mungkin disebabkan responden hanya didedahkan dengan corak pengajian sifat Dua Puluh sahaja di dalam mempelajari Ilmu Akidah. Mereka mungkin tidak didedahkan dengan corak pengajian yang lain seperti pengajian Tauhid *Ulūhiyyah* dan Tauhid *Rubūbiyyah*, corak pengajian Tauhid *al-Khālaq* dan sebagainya. Hal ini berlaku kerana penggunaan kitab-kitab yang menggunakan metodologi sifat dua puluh di dalam mempelajari Ilmu Akidah.

Bagi pernyataan corak perbincangan yang terdapat di dalam sifat Dua Puluh terpengaruh dengan corak perbincangan yang dilakukan oleh *mutakalimūn*, responden tidak pasti kerana mungkin para responden tidak mengetahui dengan jelas apakah yang dimaksudkan dengan para *mutakalimūn* itu. Kemungkinan juga, hal ini berlaku kerana mereka menganggap apa yang dibincangkan oleh para *mutakalimūn* itu merupakan perbincangan yang terbaik dalam persoalan akidah. Tanggapan sebegini ternyata silap kerana perbincangan yang dilakukan oleh para *mutakalimūn* amat mencabar minda, mereka lebih menonjolkan dalil-dali yang berpandukan kepada akal daripada berdalil kepada dalil-dalil *naqli* bagi persoalan Akidah, terutamanya dalam persoalan sifat-sifat yang wajib bagi Allah SWT..

Dalam meletakkan hukum kepada mereka yang tidak mempelajari Sifat Dua Puluh, ada segelintir responden yang agak terkongkong pemikirannya, sehingga mengatakan bahawa mereka yang tidak mempelajari Sifat Dua Puluh boleh membawa kepada kekufuran. Walaupun responden memberi alasan bahawa

jika tidak mengetahui sifat-sifat Allah bagaimana hendak mengenaliNya? Jika tidak kenal Allah bagaimana hendak menyembahnya? Pada pandangan penulis responden mungkin mempunyai pengetahuan yang agak cetek dalam Ilmu Akidah. Mereka seolah-olah hanya mengetahui sifat Dua Puluh sahaja sebagai metodologi untuk mempelajari sifat-sifat Allah s.a.w. Sedangkan apa yang perlu dipegang oleh setiap Muslim di dalam persoalan sifat-sifat Allah SWT. ialah percaya bahawa Allah SWT. bersifat dengan segala sifat-sifat kesempurnaan dan Maha Sucinya daripada sifat-sifat kekurangan.

4.3.4. Tanggapan Responden Terhadap Guru.

Guru merupakan mereka yang berkait rapat dengan pengajaran dan pembelajaran Sifat Dua Puluh dalam masyarakat di Kuala Terengganu. Isi pengajaran tentang Sifat Dua Puluh yang disampaikan oleh guru akan mencorakkan cara pemikiran masyarakat tentang akidah. Guru-guru yang mengendalikan kuliah-kuliah pengajian agama khususnya pengajian Sifat Dua Puluh di masjid dan surau terdiri daripada beberapa pihak. Mubaligh merupakan guru-guru yang diberikan tauliah oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam untuk menyampaikan kuliah-kuliah di masjid dan surau. Mubaligh dilantik di kalangan individu yang mempunyai pengetahuan dan kebolehan dalam bidang agama Islam. Mereka biasanya terdiri daripada imam-imam masjid dan surau. Mengikut data yang diperoleh daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), pada tahun 2000 terdapat seramai 36 orang mubaligh di seluruh Daerah Kuala Terengganu yang terdiri daripada mubaligh lelaki dan perempuan (lampiran 5).

Guru Takmir adalah individu yang dilantik oleh pihak JHEAT untuk mengendalikan kelas-kelas pengajian agama di surau dan masjid di Daerah Kuala Terengganu. Mereka dibayar elaun oleh pihak JAKIM. Mengikut data yang diperoleh daripada JHEAT, pada tahun 2000 terdapat seramai 101 orang guru takmir di Daerah Kuala Terengganu. Daripada jumlah tersebut 97 orang daripadanya terdiri daripada lelaki. Manakala selebihnya adalah perempuan. Namun 97 orang sahaja yang masih aktif dalam menjalankan tugas mereka.

Guru Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu (MAIDAM) pula, merupakan individu yang berkelayakan dan dilantik serta diselia oleh JHEAT tetapi elaun mereka dibayar oleh pihak MAIDAM. Bidang tugas guru-guru MAIDAM hampir sama dengan guru takmir, di mana mereka tidak terikat dengan sukatan pelajaran yang ditetapkan oleh JHEAT malah bebas mengajar mengikut permintaan oleh masyarakat setempat.

Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan tanggapan responden terhadap guru-guru yang menyampaikan kuliah-kuliah agama adalah positif. Keadaan ini dapat diperhatikan daripada maklum balas responden kepada setiap pernyataan yang mengukur tanggapan responden terhadap para guru (jadual 5). Sebahagian besar responden yang setuju dengan pernyataan positif dan tidak setuju dengan pernyataan negatif.

Sebagai seorang guru yang menyampaikan ilmu-ilmu agama kepada orang ramai, para mubaligh amat disenangi oleh masyarakat terutamanya oleh mereka

yang sentiasa mengikuti kuliah-kuliah ilmu yang disampaikan oleh para mubaligh tersebut. Kesemua responden (100 %) yang ditemui menyenangi kehadiran guru-guru yang menyampaikan kuliah di tempat mereka. Hal ini dikuatkan lagi dengan pengakuan (35.3 %) responden bahawa para mubaligh selalu diberikan hadiah oleh orang ramai yang mengikuti kuliahnya. Hadiah-hadiah tersebut berbentuk wang ringgit sebagai sumbangan daripada pihak masjid atau buah-buahan serta kerap kali para guru dijamu dengan makanan selepas kuliah disampaikan.

Responden juga bersetuju (100 %) dengan kenyataan yang menyatakan bahawa guru-guru yang mengendalikan kuliah-kuliah pengajian agama mempunyai ilmu pengetahuan tentang apa yang disampaikannya kepada orang ramai. Namun terdapat sebahagian kecil daripada responden yang berpendapat bahawa terdapat guru-guru yang kurang berkemahiran dalam menyampaikan kuliah-kuliah mereka. Guru-guru juga memberikan komitmen yang baik terhadap tanggungjawab mereka menyampaikan kuliah-kuliah ilmu agama seperti yang diamanahkan oleh pihak JHEAT . Hal ini dibuktikan dengan jawapan tidak setuju responden (96.6 %) dengan kenyataan bahawa guru kerap kali tidak hadir menyampaikan kuliah.

Cara pengajaran yang digunakan di masjid dan surau untuk menyampaikan ilmu-ilmu agama ialah dengan cara kuliah. Guru-guru akan menyampaikan ilmu dan orang ramai akan mendengar apa yang disampaikan oleh para guru tersebut. Isi pengajaran kuliah berpandukan kepada kitab-kitab yang telah ditetapkan oleh pihak JHEAT . Sesi soal jawab berlaku di sepanjang kuliah disampaikan . Hal ini terbukti apabila responden (100 %) memberikan jawapan

negatif bagi soalan yang menunjukkan bahawa guru tidak memberi peluang untuk bertanyakan soalan. Soalan akan segera diajukan jika apa yang disampaikan oleh guru tersebut tidak difahami oleh mereka. Guru-guru juga akan mengulang-ulang apa yang diajar sehingga orang ramai yang mengikuti kuliah mereka faham dengan apa yang disampaikan. Kebanyakan responden (98.7 %) bersetuju dengan pernyataan bahawa penerangan guru terhadap apa yang disampaikan amat jelas. Di beberapa tempat, suasana kuliah seperti satu perbincangan yang dilakukan dalam suasana yang penuh kemesraan. Hal ini di sokong dengan pengakuan responden (96.6 %) yang berpuas hati dengan pengajaran yang disampaikan oleh para guru.

4.4. PELAJAR DAN SAMBUTANNYA

Segala usaha yang dilakukan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Agama hanya akan sia-sia, jika sekiranya setiap program yang dianjurkan tidak mendapat sokongan dan sambutan daripada anggota masyarakat. Hasil daripada kajian yang dijalankan penulis mendapati pihak Jabatan Hal Ehwal Agama telah menyediakan pelbagai kemudahan serta peluang kepada anggota masyarakat untuk mendalami ilmu agama. Program-program pengajian di masjid dan surau disusun sebegitu rupa. Para mubaligh dihantar bagi menjelaskan persoalan agama kepada setiap anggota masyarakat, tak cukup dengan itu, sambutan hari-hari kebesaran dalam Islam turut disambut dengan mengadakan ceramah-ceramah agama dan sebagainya.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada kajian ke atas kelas-kelas pengajian yang dikendalikan oleh mubaligh di masjid dan surau, sambutan daripada anggota masyarakat terhadap program tersebut pada tahap sederhana. Terdapat kelas-kelas pengajian yang hidup segan mati tak mahu. Ianya hanya di hadiri oleh mubaligh sebagai guru yang mengajar dan beberapa orang jemaah yang merupakan mereka yang setia dengan masjid dan surau. Namun tidak dinafikan terdapat juga kelas-kelas pengajian yang penuh sesak dengan orang ramai untuk mengikuti kuliah seperti di surau Haji Mat Merbau Patah.

Pelajar-pelajar yang mengikuti kelas-kelas pengajian terdiri daripada golongan yang sudah berumur. Golongan yang paling ramai, terdiri daripada mereka yang dalam lingkungan umur lebih daripada 55 tahun. Amat sedikit daripada mereka yang mengikuti kelas-kelas pengajian ini terdiri daripada mereka yang dikategorikan sebagai golongan muda yang berumur di bawah 30 tahun. Penyertaan golongan muda dalam kelas-kelas agama yang di adakan di surau dan masjid masih lagi rendah. Ke tidak seimbangan di antara golongan muda dan tua dalam kelas-kelas pengajian ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Anggapan bahawa kelas-kelas pengajian ini hanya sesuai untuk golongan tua berdasarkan corak pengajiannya yang agak tradisional, di mana pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara kuliah dengan menghuraikan isi kandungan kitab-kitab tua yang menggunakan bahasa-bahasa yang klasik dan sukar difahami.

Terdapat sumber-sumber yang pelbagai untuk mempelajari ilmu-ilmu agama. Media cetak dan elektronik seperti siaran televisyen dan juga internet merupakan sumber bagi golongan muda dan berpendidikan untuk memperoleh

ilmu-ilmu agama tanpa memerlukan mereka mengikuti kuliah-kuliah di masjid dan surau. Sumber-sumber ini dipersembahkan dalam bentuk yang lebih menarik minat golongan ini, serta lebih mudah difahami dan senang diperoleh.

Faktor minat golongan muda terhadap ilmu-ilmu agama juga merupakan faktor yang mempengaruhi kehadiran dan penglibatan golongan ini dalam kelas-kelas pengajian ilmu agama yang dijalankan. Daripada pengalaman dan pemerhatian penulis, anggapan bahawa tumpuan terhadap ilmu-ilmu agama hanya akan dilakukan apabila usia meningkat tua dan sementara usia masih muda hidup mesti diteruskan untuk menikmati keseronokan dunia menjadikan golongan muda kurang berminat untuk mendalami ilmu-ilmu agama. Begitu juga dengan kurangnya minat anggota masyarakat terutamanya golongan muda dan belia menghadirkan diri untuk berjemaah di masjid-masjid dan di surau-surau. Oleh kerana program pengajian ini dijalankan di masjid-masjid dan di surau-surau, maka mereka yang berkunjung ke masjid merupakan pendengar setia kepada program-program pengajian yang dijalankan. Di antara sebab-sebab mengapa golongan muda dan belia kurang berminat untuk berjemaah di masjid dan di surau adalah kerana pengaruh persekitaran yang lebih menyeronokkan, telah menjauhkan mereka daripada program-program di masjid-masjid. Pelbagai program-program yang menarik di televisyen semasa waktu solat telah mengikat mereka daripada pergi ke masjid untuk berjemaah. Kesibukan dengan aktiviti-aktiviti yang kurang berfaedah seperti berbual di kedai kopi bermain hingga ke lewat petang di antara penyebab mengapa golongan ini tidak berkesempatan bersembahyang jemaah.[1]

---

[1] Idris Zakaria,Dr,Prof Madya, 2004, Tambah Nilai Agama: Pemimpin Negara Tidak Tunjuk Kesungguhan, ***Dewan Agama Dan Falsafah***, Disember: 12-13

Penglibatan golongan wanita di dalam kelas-kelas pengajian agama amat sedikit jika dibandingkan dengan golongan lelaki. Hal ini mungkin disebabkan oleh kesibukan dan kesukaran golongan ini meninggalkan keluarga mereka. Namun jika dilihat kepada kelas-kelas pengajian yang hanya dikhususkan kepada kaum wanita yang kebiasaannya diadakan pada sebelah pagi atau sebelah petang selepas solat zuhur kehadiran mereka agak memberangsangkan. Ini mungkin disebabkan sebahagian daripada tugas mereka di rumah diambil alih oleh suami atau anak-anak yang sudah dewasa yang telah pulang dari sekolah.

Faktor personaliti mubaligh yang menyampaikan kuliah juga mempengaruhi sambutan anggota masyarakat terhadap kuliah-kuliah ilmu yang dijalankan di masjid dan di surau. Personaliti yang menarik seorang mubaligh itu perlu bagi menarik minat anggota masyarakat untuk mengikuti kuliah yang disampaikannya. Kelebihan-kelebihan yang dimiliki oleh seorang mubaligh seperti latar belakang keluarga yang berasal daripada golongan ulama terkenal, latar belakang pengajian, kebolehan mengulas ilmu-ilmu yang diajarkan dan mengaitkannya dengan keadaan semasa, sifat-sifat peribadi para mubaligh serta keikhlasan mereka merupakan faktor penarik kepada anggota masyarakat untuk menghadirkan diri ke program-program ilmu yang dijalankan. Penulis mendapati mubaligh yang mempunyai kelebihan-kelebihan seperti yang dinyatakan, lebih berjaya menarik minat pendengar berbandingkan dengan mereka yang mengajar untuk mendapatkan imbuhan semata-mata. Mubaligh seperti ini berjaya menarik minat pendengar bukan sahaja dari kawasannya, malah pendengar-pendengar dari kawasan-kawasan luar juga.

Perbezaan fahaman politik juga merupakan penyebab kepada kurangnya sambutan orang ramai terhadap program-program pengajian yang dijalankan. Semasa Negeri Terengganu di bawah pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional yang diterajui oleh UMNO kebanyakan para mubaligh yang dilantik terdiri daripada mereka yang menyokong dasar pemerintah pada masa itu. Hal ini menyebabkan anggota parti pembangkang yang diterajui oleh PAS tidak memberi sambutan kepada program yang dianjurkan oleh pihak pemerintah pada masa itu malah ada di antara mereka yang tidak suka untuk menjejakkan kaki ke masjid atau surau yang dibina oleh pihak kerajaan. Hal ini masih berterusan walaupun telah berlaku perubahan kerajaan di dalam Pilihan Raya Umum 1999 bagi Negeri Terengganu. Dalam pilihan raya tersebut Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah berjaya mengambil alih pemerintahan Negeri Terengganu. Dasar kerajaan PAS yang tidak memecat mubaligh yang dilantik semasa kerajaan dahulu, sebaliknya melantik mubaligh - mubaligh baru yang menyokong dasar-dasarnya dilihat masih tidak berjaya untuk merubah keadaan masyarakat. Ini kerana penyokong-penyokong UMNO akan memulai pengajian yang dijalankan oleh mubaligh yang berfahaman PAS dan begitulah sebaliknya

4.5. PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas-kelas agama yang menjalankan pengajaran mengenai Sifat Dua Puluh di masjid dan surau biasanya dijalankan selepas solat fardu. Selepas solat Zuhur atau sebelum solat Asar, namun kebiasaannya dijalankan selepas solat Maghrib sementara menunggu solat

Isyak. Ada juga kelas yang diadakan pada waktu pagi iaitu sebelum solat Jumaat. Kelas-kelas ini biasanya mendapat sambutan yang baik daripada anggota masyarakat kerana hari Jumaat merupakan hari minggu dan cuti bagi Negeri Terengganu. Ruang masa yang ada disebabkan tidak bekerja pada hari tersebut digunakan untuk datang awal ke masjid bagi menunaikan solat Jumaat dan mendengar kuliah yang dijalankan di masjid.

Corak pengajaran Sifat Dua Puluh yang dijalankan di kelas-kelas pengajian ilmu-ilmu agama yang dikendalikan oleh mubaligh lebih berbentuk tradisional. Pengajaran dilakukan secara kuliah. Mubaligh akan membaca isi kandungan kitab-kitab yang telah ditetapkan dan menghuraikan isi kandungan tersebut untuk santapan pendengar.

Anggota masyarakat yang mengikuti kelas-kelas pengajian ini pula akan mendengar huraian yang dibuat oleh mubaligh tentang topik yang diperkatakan. Ada di antara mereka yang membawa bersama kitab yang digunakan oleh mubaligh dalam pengajaran tersebut. Golongan ini akan memerhati dan mencatat sesuatu pada kitab tersebut tentang perkara-perkara yang dihuraikan oleh mubaligh. Namun kebanyakan di antara mereka datang hanya membawa diri semata-mata. Segala yang disampaikan oleh mubaligh hanya didengar tanpa membuat sebarang catatan.

Corak pengajaran dan pembelajaran sebegini kurang memberi kesan kerana sebahagian besar isi pengajaran yang disampaikan mungkin akan hilang dari ingatan para pendengar sebaik sahaja kuliah tersebut tamat. Bagi mereka

yang membuat catatan tentang apa yang disampaikan akan dapat merujuk balik pada masa-masa lain.

Namun hasil kajian yang dilakukan oleh penulis menunjukkan bahawa masyarakat memperoleh satu *input* yang amat berguna kepada mereka, hasil daripada pengajaran yang dijalankan di masjid dan surau oleh para mubaligh. Kefahaman masyarakat tentang Ilmu Akidah dan persoalan sifat yang menjadi fokus kajian penulis adalah pada tahap yang baik. Ini dapat dibuktikan melalui soal selidik yang telah penulis jalankan. Pada pemerhatian penulis walaupun cara pengajaran berbentuk tradisional namun jika sekiranya sesuatu perkara diulang-ulang, ianya akan meninggalkan kesan dalam diri pendengarnya. Situasi ini wujud dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan di masjid dan surau. Sesuatu perkara diulang-ulang sehingga para pendengar berpuas hati dengan apa yang disampaikan oleh mubaligh.

Pengajaran dan pembelajaran yang tidak terikat dengan sesuatu dan tempoh masa tertentu menyebabkan pengajaran dan pembelajaran berjalan dalam suasana yang penuh kemesraan dan semangat kekeluargaan. Segala persoalan, akan cuba diselesaikan melalui perbincangan. Masa yang diambil bagi menjelaskan sesuatu perkara tidak terbatas, kadang kala satu persoalan dibincangkan sehingga mengambil masa yang panjang melibatkan beberapa kali kelas pengajian. Penglibatan pendengar dalam perbincangan adalah terbuka, sesiapa yang mempunyai idea dan cadangan bebas mengemukakannya. Situasi ini menyebabkan sesuatu topik yang dibincangkan itu bertahan lama dalam ingatan para pendengar.

Namun disebabkan bentuk pengajiannya secara tidak formal, dan pembelajarannya secara sukarela, tidak ada satu pun yang boleh memaksa para pendengar untuk tekun dan memberi perhatian yang baik terhadap pengajaran, melainkan kesedaran yang wujud di dalam diri mereka, bahawa pentingnya mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu agama untuk mencapai kebahagiaan sama ada di dunia ataupun di akhirat. Oleh kerana itu kesedaran pentingnya mempelajari dan mendalami ilmu-ilmu agama harus dipupuk dalam diri masyarakat agar masyarakat memandang tinggi kepada program-program pengajian agama yang dianjurkan.